

D.R. 26/2017

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah 1981.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah (Pindaan) 2017.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan tajuk panjang

2. Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah 1981 [*Akta 242*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam tajuk panjang dengan menggantikan perkataan “penilai, pentaksir dan ejen harta tanah” dengan perkataan “penilai, pentaksir, ejen harta tanah dan pengurus harta”.

Pindaan seksyen 1

3. Seksyen 1 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah 1981” dengan perkataan “Akta Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta 1981”.

Pindaan seksyen 2

4. Akta ibu dipinda dalam seksyen 2—

(a) dengan memotong takrif “amalan perejenan harta tanah”;

(b) dengan menggantikan takrif “Daftar” dengan takrif yang berikut:

‘ “Daftar” ertinya Daftar Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta yang disimpan di bawah perenggan 14(1)(a);’;

(c) dengan menggantikan takrif “Daftar Penilai Percubaan/ Ejen Harta Tanah Percubaan” dengan takrif yang berikut:

‘ “Daftar Percubaan” ertinya Daftar Penilai Percubaan, Ejen Harta Tanah Percubaan dan Pengurus Harta Percubaan yang disimpan di bawah perenggan 14(1)(b);’;

(d) dalam takrif “ejen harta tanah percubaan”, dengan menggantikan perkataan “Daftar Penilai Percubaan/ Ejen Harta Tanah Percubaan” dengan perkataan “Daftar Percubaan”;

(e) dalam takrif “Kumpulan Wang”, dengan menggantikan perkataan “Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah” dengan perkataan “Lembaga Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta”;

(f) dengan menggantikan takrif “Lembaga” dengan takrif yang berikut:

‘ “Lembaga” ertinya Lembaga Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta yang ditubuhkan di bawah seksyen 9;’;

(g) dengan menggantikan takrif “pemohon” dengan takrif yang berikut:

‘ “pemohon” ertinya penilai, pentaksir, ejen harta tanah atau pengurus harta berdaftar perseorangan, atau suatu firma penilaian, pentaksiran, perejenan harta tanah atau pengurusan harta berdaftar, mengikut mana-mana yang berkenaan;’;

(h) dengan menggantikan takrif “Pendaftar” dengan takrif yang berikut:

‘ “Pendaftar” ertinya Pendaftar Lembaga Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta yang dilantik di bawah seksyen 15;’;

(i) dalam takrif “pengurus harta”, dengan memotong perkataan “untuk memelihara atau menambah pelaburan dalam, atau nilai fizikal, harta itu”;

(j) dengan memasukkan selepas takrif “pengurus harta” takrif yang berikut:

‘ “pengurus harta berdaftar” ertinya seseorang yang namanya telah dimasukkan di bawah Bahagian IV Daftar dan yang kepadanya suatu kuasa untuk menjalankan amalan telah dikeluarkan oleh Lembaga di bawah seksyen 16;’;

(k) dengan memasukkan sebelum takrif “pengurusan harta” takrif yang berikut:

‘ “pengurus harta percubaan” ertinya seseorang yang berdaftar di bawah Akta ini sebagai pengurus harta percubaan dan yang namanya telah dimasukkan dalam Daftar Percubaan;’;

(l) dengan menggantikan takrif “pengurusan harta” dengan takrif yang berikut:

‘ “pengurusan harta” ertinya pengurusan dan pengawalan apa-apa tanah, bangunan dan apa-apa kepentingan dalam tanah atau bangunan itu, tidak termasuk pengurusan perniagaan berdasarkan harta, bagi pihak pemunya untuk suatu fi;’; dan

- (m) dalam takrif “penilai percubaan”, dengan menggantikan perkataan “Daftar Penilai Percubaan/Ejen Harta Tanah Percubaan” dengan perkataan “Daftar Percubaan”.

Pindaan tajuk Bahagian III

5. Akta ibu dipinda dengan menggantikan tajuk Bahagian III dengan tajuk yang berikut:

“LEMBAGA PENILAI, PENTAKSIR, EJEN HARTA TANAH
DAN PENGURUS HARTA”.

Pindaan seksyen 9

6. Seksyen 9 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan nota bahu dengan nota bahu yang berikut:

“Lembaga Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta”;

- (b) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah” dengan perkataan “Lembaga Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta”;

- (c) dalam subseksyen (2)—

- (i) dalam perenggan (cc)—

(A) dengan memasukkan selepas perkataan “ejen harta tanah berdaftar” perkataan “yang dinamakan oleh Yang Dipertua Lembaga”; dan

(B) dengan memotong perkataan “dan” di hujung perenggan itu;

- (ii) dalam perenggan (d), dengan menggantikan noktah di hujung perenggan itu dengan perkataan “; dan”; dan

(iii) dengan memasukkan selepas perenggan (*d*) perenggan yang berikut:

“(e) tiga orang pengurus harta berdaftar yang dinamakan oleh Yang Dipertua Lembaga.”;

(d) dalam subseksyen (3), dengan menggantikan perkataan “dan (*d*)” dengan perkataan “, (*d*) dan (*e*)”;

(e) dalam subseksyen (6), dengan menggantikan perkataan “dan (*d*)” dengan perkataan “, (*d*) dan (*e*)”; dan

(f) dengan memasukkan selepas subseksyen (8) subseksyen yang berikut:

“(9) Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, meminda Jadual Pertama.”.

Pindaan seksyen 10

7. Seksyen 10 Akta ibu dipinda—

(a) dalam perenggan (*a*), dengan menggantikan perkataan “suatu Daftar Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah, suatu Daftar Penilai Percubaan/Ejen Harta Tanah Percubaan dan suatu” dengan perkataan “Daftar, Daftar Percubaan dan”;

(b) dalam perenggan (*e*), dengan menggantikan perkataan “penilai, pentaksir atau ejen harta tanah” dengan perkataan “penilai, pentaksir, ejen harta tanah atau pengurus harta”;

(c) dalam perenggan (*f*), dengan menggantikan perkataan “pentaksir dan ejen harta tanah” dengan perkataan “pentaksir, ejen harta tanah dan pengurus harta”;

(d) dalam perenggan (*g*), dengan menggantikan perkataan “pentaksir dan ejen harta tanah” dengan perkataan “pentaksir, ejen harta tanah dan pengurus harta”;

(e) dalam perenggan (*h*), dengan menggantikan perkataan “penilaian atau perejenan harta tanah” dengan perkataan “penilaian, perejenan harta tanah atau pengurusan harta.”;

- (f) dalam perenggan (*hc*), dengan menggantikan perkataan “pentaksir dan ejen harta tanah” dengan perkataan “pentaksir, ejen harta tanah dan pengurus harta”;
- (g) dalam perenggan (*hd*), dengan memotong perkataan “dan” di hujung perenggan itu; dan
- (h) dengan memasukkan selepas perenggan (*hd*) perenggan yang berikut:

“(he) memegang secara amanah wang dalam pertikaian antara seorang penilai berdaftar, pentaksir berdaftar, ejen harta tanah berdaftar atau pengurus harta berdaftar, dengan klien atau pihak ketiga dalam suatu kontrak bagi perkhidmatan penilaian, pentaksiran, perejenan harta tanah atau pengurusan harta, apabila difikirkan perlu oleh Lembaga;”.

Pindaan seksyen 12

8. Subseksyen 12(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Pentaksir dan Ejen Harta Tanah” dengan perkataan “Pentaksir, Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta”.

Pindaan seksyen 14

9. Seksyen 14 Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (1)—

(i) dalam perenggan (*a*)—

- (A) dengan menggantikan perkataan “suatu Daftar Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah yang hendaklah dalam tiga Bahagian” dengan perkataan “suatu Daftar Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta yang hendaklah dalam empat Bahagian”;
- (B) dalam subperenggan (ii), dengan memotong perkataan “dan” di hujung subperenggan itu;

(C) dalam subperenggan (iii), dengan memasukkan selepas koma bernoktah di hujung subperenggan itu perkataan “dan”; dan

(D) dengan memasukkan selepas subperenggan (iii) subperenggan yang berikut:

“(iv) Bahagian IV yang hendaklah mengandungi nama, alamat perniagaan, kelayakan dan butir-butir lain mengenai pengurus harta berdaftar;”;

(ii) dalam perenggan (b)—

(A) dengan menggantikan perkataan “Daftar Penilai Percubaan/Ejen Harta Tanah Percubaan” dengan perkataan “Daftar Penilai Percubaan, Ejen Harta Tanah Percubaan dan Pengurus Harta Percubaan”; dan

(B) dengan menggantikan perkataan “penilai percubaan dan ejen harta tanah percubaan” dengan perkataan “penilai percubaan, ejen harta tanah percubaan dan pengurus harta percubaan”; dan

(iii) dalam perenggan (c)—

(A) dengan menggantikan perkataan “tiga” dengan perkataan “empat”;

(B) dalam subperenggan (ii), dengan memotong perkataan “dan” di hujung subperenggan itu;

(C) dalam subperenggan (iii), dengan menggantikan noktah di hujung subperenggan itu dengan perkataan “; dan”; dan

(D) dengan memasukkan selepas subperenggan (iii) subperenggan yang berikut:

“(iv) Bahagian IV yang hendaklah mengandungi nama, alamat dan butir-butir lain mengenai firma yang menjalankan amalan sebagai pengurus harta.”; dan

(b) dalam subseksyen (4), dengan menggantikan perkataan “penilai, pentaksir atau ejen harta tanah atau mana-mana penilai percubaan atau ejen harta tanah percubaan” dengan perkataan “penilai, pentaksir, ejen harta tanah atau pengurus harta, atau mana-mana penilai percubaan, ejen harta tanah percubaan atau pengurus harta percubaan,”.

Pindaan seksyen 15

10. Subseksyen 15(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Pendaftar Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah” dengan perkataan “Pendaftar Lembaga Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta”.

Penggantian seksyen 15A

11. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 15A dengan seksyen yang berikut:

“Permohonan bagi mendapatkan kuasa untuk menjalankan amalan

15A. Penilai berdaftar, pentaksir berdaftar, ejen harta tanah berdaftar atau pengurus harta berdaftar hendaklah memohon kepada Lembaga bagi mendapatkan kuasa untuk menjalankan amalan jika dia berniat untuk menjalankan amalan sebagai penilai berdaftar atau pentaksir berdaftar di bawah seksyen 19, sebagai ejen harta tanah berdaftar di bawah seksyen 22B, atau sebagai pengurus harta berdaftar di bawah seksyen 22I.”.

Pindaan seksyen 16

12. Seksyen 16 Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (1A), dengan menggantikan perkataan “pentaksir atau ejen harta tanah” dengan perkataan “pentaksir, ejen harta tanah atau pengurus harta”;

- (b) dalam subseksyen (5), dengan menggantikan perkataan “penilai berdaftar, pentaksir berdaftar atau ejen harta tanah berdaftar” dengan perkataan “penilai berdaftar, pentaksir berdaftar, ejen harta tanah berdaftar atau pengurus harta berdaftar”;
- (c) dalam subseksyen (7)—
 - (i) dengan menggantikan perkataan “Penilai berdaftar, pentaksir berdaftar atau ejen harta tanah berdaftar—” dengan perkataan “Penilai berdaftar, pentaksir berdaftar, ejen harta tanah berdaftar atau pengurus harta berdaftar—”; dan
 - (ii) dalam perenggan (b), dengan menggantikan perkataan “penilai berdaftar, pentaksir berdaftar atau ejen harta tanah berdaftar” dengan perkataan “penilai berdaftar, pentaksir berdaftar, ejen harta tanah berdaftar atau pengurus harta berdaftar”; dan
- (d) dalam subseksyen (7B)—
 - (i) dengan menggantikan perkataan “penilai percubaan dan ejen harta tanah percubaan” dengan perkataan “penilai percubaan, ejen harta tanah percubaan dan pengurus harta percubaan”; dan
 - (ii) dengan menggantikan perkataan “Daftar Penilai Percubaan/Ejen Harta Tanah Percubaan” dengan perkataan “Daftar Percubaan”.

Pindaan seksyen 17

13. Seksyen 17 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (1)(e), dengan menggantikan perkataan “penilaian atau perejenan harta tanah” dengan perkataan “perejenan harta tanah atau pengurusan harta”; dan
- (b) dalam subseksyen (1A), dengan memasukkan selepas perkataan “perejenan harta tanah” perkataan “atau pengurusan harta”.

Pindaan seksyen 17A

14. Subseksyen 17A(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Daftar Penilai Percubaan/Ejen Harta Tanah Percubaan” dengan perkataan “Daftar Percubaan”.

Pindaan seksyen 18

15. Seksyen 18 Akta ibu dipinda dengan memotong subseksyen (6).

Pindaan seksyen 19

16. Seksyen 19 Akta ibu dipinda—

(a) dalam perenggan (a)—

(i) dengan memasukkan selepas perkataan “segala kepentingan mengenainya termasuk” perkataan “pokok, tanaman,”; dan

(ii) dengan memasukkan selepas koma bernoktah di hujung perenggan itu perkataan “dan”;

(b) dalam perenggan (b), dengan menggantikan perkataan “; dan” di hujung perenggan itu dengan noktah; dan

(c) dengan memotong perenggan (c).

Pindaan seksyen 21

17. Seksyen 21 Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (1)—

(i) dalam perenggan (a), dengan memotong perkataan ““Pengurus Harta”,’; dan

(ii) dengan memotong perenggan (aa); dan

(b) dengan memotong subseksyen (2) dan (3).

Pindaan seksyen 22A

18. Seksyen 22A Akta ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (1)(f), dengan menggantikan perkataan “perejean harta tanah” dengan perkataan “pengurusan harta”; dan
- (b) dalam subseksyen (1A), dengan memasukkan selepas perkataan “penilaian” perkataan “atau pengurusan harta”.

Pindaan seksyen 22B

19. Seksyen 22B Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menomborkan semula subseksyen (1A) yang sedia ada sebagai subseksyen (1B);
- (b) dengan memasukkan sebelum subseksyen (1B) yang dinomborkan semula subseksyen yang berikut:

“(1A) Seseorang itu menjalankan amalan perejean harta tanah jika dia bertindak sebagai ejen, atau mengemukakan dirinya kepada orang ramai atau kepada mana-mana individu atau firma sebagai bersedia untuk bertindak sebagai ejen, bagi suatu komisen, fi, upah atau balasan lain—

- (a) berkenaan dengan apa-apa jualan atau pelupusan lain tanah dan bangunan dan apa-apa kepentingan dalamnya;
- (b) berkenaan dengan apa-apa pembelian atau pengambilan lain tanah dan bangunan dan apa-apa kepentingan dalamnya;
- (c) berkenaan dengan apa-apa pemajakan atau penyewaan tanah dan bangunan dan apa-apa kepentingan dalamnya;
- (d) dalam membuat makluman tentang adanya tanah, bangunan, atau apa-apa kepentingan dalamnya untuk jualan atau pelupusan, pembelian atau

pengambilan, atau pemajakan atau penyewaan yang disebut dalam perenggan (a), (b) atau (c), mengikut mana-mana yang berkenaan; dan

(e) berkenaan dengan apa-apa pentadbiran penyewaan termasuklah pengutipan sewa, bayaran perbelanjaan, perkiraan bagi pembaikan kecil dan penyerahan dan pengambilan milikan sesuatu harta bagi apa-apa tanah dan bangunan dan apa-apa kepentingan dalamnya.”; dan

(c) dalam subseksyen (2)—

(i) dengan menggantikan perkataan “subseksyen (1A)” dengan perkataan “subseksyen (1B)”;

(ii) dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan “subseksyen (1A)” dengan perkataan “subseksyen (1B)”;

(iii) dalam perenggan (b), dengan menggantikan perkataan “subseksyen (1A)” dengan perkataan “subseksyen (1B)”.

Pindaan seksyen 22c

20. Seksyen 22c Akta ibu dipinda—

(a) dalam perenggan (1)(a), dengan memasukkan selepas perkataan “Broker Rumah” perkataan ‘, “Perunding Perejenan Harta Tanah”,’;

(b) dalam subseksyen (2)—

(i) dalam perenggan (b), dengan memotong perkataan “dan” di hujung perenggan itu;

(ii) dalam perenggan (c), dengan menggantikan noktah di hujung perenggan itu dengan perkataan “; dan”; dan

(iii) dengan memasukkan selepas perenggan (c) perenggan yang berikut:

“(d) seseorang perunding boleh membantu ejen harta tanah berdaftar dalam amalan perejean harta tanah.”; dan

(c) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(2A) Bagi maksud perenggan (2)(d), “perunding” artinya seseorang yang diambil bekerja oleh ejen harta tanah berdaftar untuk membantunya dalam amalan perejean harta tanah.”.

Pindaan seksyen 22D

21. Seksyen 22D Akta ibu dipinda dengan memotong subseksyen (5).

Pindaan seksyen 22E

22. Subseksyen 22E(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Daftar Penilai Percubaan/Ejen Harta Tanah Percubaan” dengan perkataan “Daftar Percubaan”.

Bahagian baharu VB

23. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas Bahagian VA Bahagian yang berikut:

“BAHAGIAN VB

PENGURUS HARTA

Pendaftaran pengurus harta

22F. (1) Tertakluk kepada peruntukan Akta ini, tiap-tiap orang berhak mendapatkan namanya dimasukkan di bawah

Bahagian IV Daftar setelah membuat permohonan kepada Lembaga dan membuktikan sehingga Lembaga berpuas hati bahawa—

- (a) dia telah mencapai umur 21 tahun dan sempurna akal, berkelakuan baik dan tidak pernah disabitkan atas apa-apa kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak dalam tempoh lima tahun sebaik sebelum tarikh permohonannya;
- (b) dia bukan bankrap yang belum dilepaskan;
- (c) dia tidak pernah membuat pernyataan, atau mengesahkan atau mengaku saksi dokumen yang palsu atau mengelirukan dalam sesuatu butir matan;
- (d) dia tidak secara tidak jujur merahsiakan fakta matan;
- (e) dia tidak memberikan maklumat yang palsu;
- (f) dia memenuhi kehendak seksyen 22H;
- (g) dia telah membuat suatu akuan dalam borang dan mengikut cara yang ditetapkan oleh Lembaga;
- (h) dia telah membayar fi yang ditetapkan oleh Lembaga; dan
- (i) dia tidak digantung daripada menjalankan amalan penilaian atau perejenan harta tanah dan juga namanya tidak dipotong daripada Daftar.

(2) Walau apa pun perenggan (1)(i), seseorang yang hilang kelayakan untuk menjalankan amalan penilaian atau perejenan harta tanah boleh, jika Lembaga berpendapat dia sesuai menjalankan amalan pengurusan harta, mendapatkan namanya dimasukkan di bawah Bahagian IV Daftar sebagai pengurus harta.

(3) Mana-mana penilai berdaftar atau pentaksir berdaftar yang, sebaik sebelum mula berkuat kuasanya Bahagian ini, namanya telah dimasukkan di bawah Bahagian I atau II Daftar hendaklah, apabila mula berkuat kuasanya Bahagian ini, berhak mendapatkan namanya dimasukkan di bawah Bahagian IV Daftar tanpa bayaran apa-apa fi.

(4) Mana-mana penilai percubaan yang telah lulus Ujian Kecekapan Profesional bagi pengurus harta berhak mendapatkan namanya dimasukkan di bawah Bahagian IV Daftar.

(5) Mana-mana orang yang telah memperoleh kelayakan yang diiktiraf oleh Lembaga dan telah lulus Ujian Kecekapan Profesional bagi pengurus harta berhak mendapatkan namanya dimasukkan di bawah Bahagian IV Daftar.

(6) Mana-mana ejen harta tanah berdaftar berhak mendapatkan namanya dimasukkan di bawah Bahagian IV Daftar jika sebelum tarikh mula berkuat kuasanya Bahagian ini dia dibenarkan untuk menjalankan pengurusan harta sebagaimana yang dinyatakan dalam subseksyen 22B(2).

(7) Mana-mana orang yang memohon dalam tempoh dua belas bulan dari tarikh mula berkuat kuasanya Bahagian ini bagi pendaftaran di bawah Bahagian IV Daftar berhak mendapatkan namanya didaftarkan sedemikian jika dia membuktikan sehingga Lembaga berpuas hati bahawa—

(a) sebaik sebelum tarikh mula berkuat kuasanya Bahagian ini—

(i) dia telah melibatkan diri dalam amalan atau perniagaan pengurusan harta; dan

(ii) dia telah memberikan khidmat kepada kliennya yang secara amnya memuaskan hati mereka; dan

(b) dia mematuhi peruntukan subseksyen (1).

(8) Bagi memuaskan hati tentang apa-apa perkara yang yang disebut dalam subseksyen (1), (4), (5), (6) dan (7), Lembaga boleh meminta pemohon untuk mengemukakan kepadanya apa-apa dokumen sebagaimana yang difikirkan oleh Lembaga adalah berkaitan.

(9) Penilai berdaftar, pentaksir berdaftar atau ejen harta tanah berdaftar yang dibenarkan untuk menjalankan pengurusan harta sebelum mula berkuat kuasanya Bahagian ini boleh, sementara menunggu namanya dimasukkan di

bawah Bahagian IV Daftar sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen (3) atau (6), terus melibatkan diri dalam amalan atau perniagaan pengurusan harta dalam tempoh yang disebut dalam subseksyen (7).

Pendaftaran pengurus harta percubaan

22G. (1) Tertakluk kepada peruntukan Akta ini, tiap-tiap orang berhak mendapatkan namanya dimasukkan sebagai pengurus harta percubaan dalam Daftar Percubaan setelah membuat permohonan kepada Lembaga dan membuktikan sehingga Lembaga berpuas hati bahawa—

- (a) dia telah mencapai umur 21 tahun dan sempurna akal, berkelakuan baik dan tidak disabitkan atas apa-apa kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak dalam tempoh lima tahun sebelum sahaja tarikh permohonannya;
- (b) dia bukan bankrap yang belum dilepaskan;
- (c) dia memenuhi kehendak seksyen 22H;
- (d) dia telah membuat suatu akuan dalam borang dan mengikut cara yang ditetapkan oleh Lembaga;
- (e) dia telah membayar fi yang ditetapkan oleh Lembaga; dan
- (f) dia telah mengemukakan apa-apa dokumen yang dikehendaki oleh Lembaga.

(2) Lembaga boleh menghendaki supaya pemohon mengemukakan apa-apa dokumen tambahan sebagaimana yang difikirkan oleh Lembaga berkaitan supaya Lembaga berpuas hati tentang apa-apa perkara yang disebut dalam subseksyen (1).

(3) Mana-mana ejen harta tanah berdaftar yang memohon dalam tempoh dua belas bulan dari tarikh permulaan kuat kuasa Bahagian ini bagi pendaftaran sebagai pengurus harta percubaan di bawah Daftar Percubaan berhak mendapatkan namanya didaftarkan sedemikian jika dia membuktikan sehingga Lembaga berpuas hati bahawa dia mempunyai sepuluh tahun pengalaman sebagai seorang ejen harta tanah.

Kelayakan untuk pendaftaran pengurus harta dan pengurus harta percubaan

22h. (1) Tertakluk kepada peruntukan Akta ini, tiada seorang pun berhak mendapatkan namanya dimasukkan di bawah Bahagian IV Daftar melainkan jika dia telah didaftarkan sebagai pengurus harta percubaan di bawah Akta ini.

(2) Mana-mana orang yang telah lulus peperiksaan yang ditetapkan oleh Lembaga atau yang telah memperoleh kelayakan yang diiktiraf oleh Lembaga sebagai setara dengan peperiksaan itu boleh memohon kepada Lembaga untuk didaftarkan sebagai pengurus harta percubaan.

(3) Pengurus harta percubaan dikehendaki memperoleh pengalaman praktik dan lulus Ujian Kecekapan Profesional yang ditetapkan oleh Lembaga atau apa-apa ujian atau peperiksaan yang setara yang diiktiraf oleh Lembaga.

(4) Jika pengurus harta percubaan telah mematuhi kehendak subseksyen (3), dia boleh memohon kepada Lembaga untuk mendapatkan namanya dimasukkan dalam Daftar.

Amalan pengurusan harta

22i. (1) Tertakluk kepada peruntukan Akta ini, seseorang pengurus harta berdaftar yang telah dikeluarkan suatu kuasa untuk menjalankan amalan oleh Lembaga berhak mengamalkan profesionnya dan dibenarkan untuk mengusahakan amalan pengurusan harta.

(2) Amalan pengurusan harta yang disebut dalam subseksyen (1) termasuklah yang berikut:

- (a) menguatkuasakan terma pajakan dan perjanjian lain yang berhubungan dengan harta itu;
- (b) menyediakan belanjawan dan menyenggarakan rekod kewangan bagi harta itu;
- (c) memantau perbelanjaan bagi harta itu dan membuat pembayaran daripada pendapatan harta itu;

- (d) memberikan nasihat mengenai keputusan penjualan, pembelian dan penyewaan;
- (e) memberikan nasihat mengenai perkara insurans;
- (f) memberikan nasihat mengenai peluang untuk menghasilkan potensi pembangunan atau pelaburan harta itu;
- (g) memberikan nasihat mengenai keperluan untuk meningkatkan harta itu atau untuk mencantumkan kepentingan;
- (h) menguruskan dan menyenggarakan bangunan dan kemudahan pada bangunan itu; dan
- (i) menyediakan atau memeriksa inventori perabot, lekapan, stok tred, loji atau jentera, atau barang lain.

Sekatan ke atas amalan pengurusan harta

22j. (1) Tiada seorang pun boleh, melainkan jika dia seorang pengurus harta berdaftar dan yang telah dikeluarkan kepadanya suatu kuasa untuk menjalankan amalan di bawah seksyen 16—

- (a) menjalankan amalan atau menjalankan perniagaan atau bekerja di bawah apa-apa nama, stail atau gelaran yang mengandungi perkataan “Pengurus Harta”, “Ejen Pengurusan”, atau yang seerti dengannya, dalam apa-apa bahasa atau mengandungi apa-apa jua perkataan lain dalam apa-apa bahasa yang boleh dengan semunasabahnya ditafsirkan sebagai membayangkan erti bahawa dia merupakan seorang pengurus harta berdaftar atau bahawa dia melibatkan diri dalam amalan atau perniagaan pengurusan harta;
- (b) bertindak sebagai pengurus harta;
- (c) menjalankan perniagaan atau dilantik atau melibatkan diri sebagai pengurus harta;
- (d) mempamerkan apa-apa papan tanda atau poster, atau menggunakan, mengedarkan atau menyebarkan apa-apa kad, surat, risalah, lembaran, notis atau apa-apa

bentuk iklan, yang membayangkan sama ada secara langsung atau tidak langsung bahawa dia merupakan seorang pengurus harta berdaftar atau melibatkan diri dalam amalan atau perniagaan pengurusan harta;

- (e) mengusahakan untuk suatu fi atau balasan lain mana-mana kerja yang disenaraikan dalam subseksyen 221(2); atau
- (f) berhak menuntut dalam mana-mana mahkamah apa-apa fi, komisen, caj atau saraan bagi apa-apa nasihat atau perkhidmatan profesional yang diberikan sebagai seorang pengurus harta.

(2) Perenggan (1)(b) tidak terpakai bagi pemunya mana-mana tanah, bangunan dan apa-apa kepentingan dalamnya yang menguruskan tanah, bangunan dan kepentingan itu.

(3) Bagi maksud subseksyen (2), “pemunya” yang berhubung dengan mana-mana tanah, bangunan dan apa-apa kepentingan dalam tanah atau bangunan itu ertinya—

- (a) pemunya berdaftar;
- (b) benefisiari apa-apa harta pusaka atau amanah si mati; dan
- (c) pemajak yang kepentingannya didaftarkan di bawah Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Kanun Tanah Sarawak [*Sarawak Bab 81*] dan Ordinan Tanah Sabah [*Sabah Bab 68*].

(4) Bagi maksud perenggan (3)(a) dan (c), seseorang pemunya berdaftar atau pemajak boleh merupakan seorang individu atau suatu syarikat tetapi tidak termasuk mana-mana pemegang syer dalam syarikat yang memiliki apa-apa tanah, bangunan dan kepentingan dalam tanah atau bangunan itu melainkan jika tanah, bangunan dan kepentingan itu dimiliki sepenuhnya oleh syarikat itu.

(5) Peruntukan yang berhubungan dengan sekatan ke atas amalan pengurusan harta yang terkandung dalam subseksyen (1) hendaklah terpakai *mutatis mutandis* bagi sesuatu firma.”.

Pindaan seksyen 23**24. Seksyen 23 Akta ibu dipinda—**

- (a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “Tiada penilai berdaftar, pentaksir berdaftar atau ejen harta tanah berdaftar boleh menjalankan amalan penilaian, pentaksiran atau perejeenan harta tanah” dengan perkataan “Tiada penilai berdaftar, pentaksir berdaftar, ejen harta tanah berdaftar atau pengurus harta berdaftar boleh menjalankan amalan penilaian, pentaksiran, perejeenan harta tanah atau pengurusan harta”;
- (b) dengan menomborkan semula subseksyen (1A) yang sedia ada sebagai subseksyen (1B);
- (c) dalam subseksyen (1B) yang dinomborkan semula—
 - (i) dengan menggantikan perkataan “pentaksiran atau perejeenan harta tanah” dengan perkataan “pentaksiran, perejeenan harta tanah atau pengurusan harta”; dan
 - (ii) dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan “pentaksir atau ejen harta tanah” dengan perkataan “pentaksir, ejen harta tanah atau pengurus harta”;
- (d) dengan memasukkan sebelum subseksyen (1B) yang dinomborkan semula subseksyen yang berikut:

“(1A) Sesuatu ketuanpunyaan tunggal, perkongsian atau pertubuhan perbadanan boleh memohon kepada Lembaga bagi pendaftaran untuk menjalankan amalan penilaian, pentaksiran, perejeenan harta tanah atau pengurusan harta dalam borang dan mengikut cara, dan disertakan dengan fi, yang ditetapkan oleh Lembaga.”;
- (e) dalam subseksyen (2)—
 - (i) dengan menggantikan perkataan “pentaksiran atau perejeenan harta tanah” dengan perkataan “pentaksiran, perejeenan harta tanah atau pengurusan harta”;

(ii) dalam perenggan (a)—

(A) dalam subsubperenggan (i)(B), dengan menggantikan perkataan “pentaksir berdaftar dan ejen harta tanah berdaftar” dengan perkataan “pentaksir berdaftar, ejen harta tanah berdaftar dan pengurus harta berdaftar”;

(B) dalam subperenggan (ii)—

(aa) dalam subsubperenggan (B), dengan menggantikan perkataan “pentaksir berdaftar, penilai berdaftar dan ejen harta tanah berdaftar” dengan perkataan “pentaksir berdaftar, penilai berdaftar, ejen harta tanah berdaftar dan pengurus harta berdaftar”; dan

(bb) dalam subsubperenggan (C), dengan memotong perkataan “dan” di hujung subsubperenggan itu;

(C) dalam subperenggan (iii)—

(aa) dalam subsubperenggan (B), dengan menggantikan perkataan “penilai berdaftar dan pentaksir berdaftar” dengan perkataan “penilai berdaftar, pentaksir berdaftar dan pengurus harta berdaftar”; dan

(bb) dalam subsubperenggan (C), dengan memasukkan selepas koma bernoktah di hujung subsubperenggan itu perkataan “dan”; dan

(D) dengan memasukkan selepas subperenggan (iii) subperenggan yang berikut:

“(iv) dalam hal suatu amalan pengurusan harta—

(A) semata-mata pengurus harta berdaftar;

- (B) suatu gabungan pengurus harta berdaftar, penilai berdaftar, pentaksir berdaftar dan ejen harta tanah berdaftar; atau
- (C) suatu gabungan pengurus harta berdaftar dan mana-mana orang atau pertubuhan perbadanan yang lain;”;

(iii) dalam perenggan (b)—

- (A) dalam subperenggan (iii), dengan memotong perkataan “dan” di hujung subperenggan itu;
- (B) dengan menomborkan semula subperenggan (iv) yang sedia ada sebagai subperenggan (v); dan
- (C) dalam subperenggan (v) yang dinomborkan semula—
 - (aa) dengan menggantikan perkataan “pentaksir berdaftar dan ejen harta tanah berdaftar” dengan perkataan “pentaksir berdaftar, ejen harta tanah berdaftar dan pengurus harta berdaftar”;
 - (bb) dalam subsubperenggan (B), dengan memotong perkataan “dan” di hujung subsubperenggan itu; dan
 - (cc) dengan memasukkan selepas subsubperenggan (C) subsubperenggan yang berikut:
 - “(D) dalam hal suatu amalan pengurusan harta, oleh suatu majoriti pengurus harta yang memegang kepentingan dan hak mengundi majoriti.”; dan

(D) dengan memasukkan sebelum subperenggan (v) yang dinomborkan semula subperenggan yang berikut:

“(iv) dalam hal suatu amalan pengurusan harta, semata-mata oleh pengurus harta berdaftar; dan”;

(f) dengan menomborkan semula subseksyen (4A) yang sedia ada sebagai subseksyen (4B);

(g) dalam subseksyen (4B) yang dinomborkan semula—

(i) dengan menggantikan perkataan “Walau apa pun subseksyen (2) atau (4)” dengan perkataan “Walau apa pun subseksyen (2), (4) atau (4A)”;

(ii) dalam perenggan (b), dengan menggantikan perkataan “pentaksiran atau perejenan harta tanah” dengan perkataan “pentaksiran, perejenan harta tanah atau pengurusan harta”;

(iii) dalam perenggan (c), dengan menggantikan perkataan “pentaksiran atau perejenan harta tanah” dengan perkataan “pentaksiran, perejenan harta tanah atau pengurusan harta”; dan

(iv) dalam perenggan (d)—

(A) dengan menggantikan perkataan “pentaksiran atau perejenan harta tanah” dengan perkataan “pentaksiran, perejenan harta tanah atau pengurusan harta”; dan

(B) dengan menggantikan perkataan “pentaksir atau ejen harta tanah” dengan perkataan “pentaksir, ejen harta tanah atau pengurus harta”;

(h) dengan memasukkan selepas subseksyen (4) subseksyen yang berikut:

“(4A) Tiada pengurus harta berdaftar boleh, melainkan jika Lembaga meluluskan sedemikian secara bertulis,

menjadi atau terus menjadi tuan punya tunggal, pekongsi, pemegang syer atau pengarah lebih daripada satu ketuanpunyaan tunggal, perkongsian atau pertubuhan perbadanan, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang menjalankan amalan pengurusan harta.”;

(i) dalam subseksyen (6), dengan menggantikan perkataan “Seseorang penilai berdaftar, pentaksir berdaftar atau ejen harta tanah berdaftar” dengan perkataan “Seseorang penilai berdaftar, pentaksir berdaftar, ejen harta tanah berdaftar atau pengurus harta berdaftar”;

(j) dalam subseksyen (7)—

(i) dengan menggantikan perkataan “pentaksir berdaftar atau ejen harta tanah berdaftar” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “pentaksir berdaftar, ejen harta tanah berdaftar atau pengurus harta berdaftar”; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan “Daftar Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah” dengan perkataan “Daftar”;

(k) dalam subseksyen (8)—

(i) dengan menggantikan perkataan “pentaksir berdaftar atau ejen harta tanah berdaftar” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “pentaksir berdaftar, ejen harta tanah berdaftar atau pengurus harta berdaftar”;

(ii) dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan “pentaksir berdaftar atau ejen harta tanah berdaftar” dengan perkataan “pentaksir berdaftar, ejen harta tanah berdaftar atau pengurus harta berdaftar”; dan

(iii) dalam perenggan (b), dengan menggantikan perkataan “pentaksir berdaftar atau ejen harta tanah berdaftar” dengan perkataan “pentaksir berdaftar, ejen harta tanah berdaftar atau pengurus harta berdaftar”;

(l) dalam subseksyen (9)—

- (i) dengan menggantikan perkataan “pentaksir berdaftar atau ejen harta tanah berdaftar” dengan perkataan “pentaksir berdaftar, ejen harta tanah berdaftar atau pengurus harta berdaftar”; dan
- (ii) dengan memotong perkataan “Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah”;

(m) dalam subseksyen (10), dengan menggantikan perkataan “penilaian berdaftar, pentaksiran berdaftar atau perejean harta tanah berdaftar” dengan perkataan “penilaian berdaftar, pentaksiran berdaftar, perejean harta tanah berdaftar atau pengurusan harta berdaftar”;

(n) dalam subseksyen (11)—

- (i) dengan menggantikan perkataan “pentaksir berdaftar atau ejen harta tanah berdaftar” dengan perkataan “pentaksir berdaftar, ejen harta tanah berdaftar atau pengurus harta berdaftar”;
- (ii) dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan “pentaksir berdaftar atau ejen harta tanah berdaftar” dengan perkataan “pentaksir berdaftar, ejen harta tanah berdaftar atau pengurus harta berdaftar”; dan
- (iii) dalam perenggan (b), dengan menggantikan perkataan “pentaksir berdaftar atau ejen harta tanah berdaftar” dengan perkataan “pentaksir berdaftar, ejen harta tanah berdaftar atau pengurus harta berdaftar”;

(o) dalam subseksyen (12), dengan menggantikan perkataan “pentaksir atau ejen harta tanah” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “pentaksir, ejen harta tanah atau pengurus harta”;

(p) dalam subseksyen (13) , dengan menggantikan perkataan “pentaksir atau ejen harta tanah” dengan perkataan “pentaksir, ejen harta tanah atau pengurus harta”; dan

(q) dalam subseksyen (14)—

- (i) dengan menggantikan perkataan “pentaksir atau ejen harta tanah” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “pentaksir, ejen harta tanah atau pengurus harta”; dan
- (ii) dengan menggantikan perkataan “penilai berdaftar, pentaksir berdaftar atau ejen harta tanah berdaftar” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “penilai berdaftar, pentaksir berdaftar, ejen harta tanah berdaftar atau pengurus harta berdaftar”.

Pindaan seksyen 24

25. Subseksyen 24(1) Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “Tertakluk kepada peruntukan Bahagian ini, jika seorang penilai, pentaksir atau ejen harta tanah atau penilai percubaan atau ejen harta tanah percubaan yang namanya telah dimasukkan dalam Daftar atau Daftar Penilai Percubaan/Ejen Harta Tanah Percubaan, mengikut mana-mana yang berkenaan—” dengan perkataan “Tertakluk kepada peruntukan Bahagian ini, jika seorang penilai, pentaksir, ejen harta tanah atau pengurus harta atau penilai percubaan, ejen harta tanah percubaan atau pengurus harta percubaan yang namanya telah dimasukkan dalam Daftar atau Daftar Percubaan, mengikut mana-mana yang berkenaan—”;
- (b) dalam perenggan (c), dengan menggantikan perkataan “seksyen 18, 22A atau 22D” dengan perkataan “seksyen 18, 22D atau 22H”;
- (c) dalam perenggan (h)—
 - (i) dengan menggantikan perkataan “pentaksiran atau perejenan harta tanah” dengan perkataan “pentaksiran, perejenan harta tanah atau pengurusan harta”; dan
 - (ii) dengan memotong perkataan “atau” di hujung perenggan itu;

- (d) dalam perenggan (i), dengan menggantikan perkataan “amalan penilaian, pentaksiran atau perejenan harta tanah,” dengan perkataan “amalan penilaian, pentaksiran, perejenan harta tanah atau pengurusan harta; atau”;
- (e) dengan memasukkan selepas perenggan (i) perenggan yang berikut:
 - “(j) telah menjual, memajak, menyewa kecil, memindahkan atau selainnya membenarkan mana-mana orang lain untuk menggunakan kuasanya untuk menjalankan amalan yang dikeluarkan kepadanya di bawah Akta ini,”;
- (f) dalam subperenggan (v), dengan memotong perkataan “atau” di hujung subperenggan itu;
- (g) dalam subperenggan (vi), dengan menggantikan noktah di hujung subperenggan itu dengan koma bernoktah; dan
- (h) dengan memasukkan selepas subperenggan (vi) subperenggan yang berikut:
 - “(vii) memberi amaran kepadanya; atau
 - (viii) menolak pertuduhan.”.

Pindaan seksyen 25

26. Seksyen 25 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1)—
 - (i) dengan menggantikan perkataan “Maka hendaklah dipotong dari Daftar atau Daftar Penilai Percubaan/ Ejen Harta Tanah Percubaan, mengikut mana-mana yang berkenaan, nama dan butir-butir mengenai mana-mana penilai berdaftar, pentaksir berdaftar atau ejen harta tanah atau penilai percubaan atau ejen harta tanah percubaan berdaftar yang—” dengan perkataan “Maka hendaklah dipotong daripada Daftar atau Daftar Percubaan, mengikut mana-mana yang berkenaan, nama dan butir-butir

mengenai mana-mana penilai berdaftar, pentaksir berdaftar, ejen harta tanah berdaftar atau pengurus harta berdaftar, atau penilai percubaan, ejen harta tanah percubaan atau pengurus harta percubaan yang—”; dan

- (ii) dalam perenggan (c), dengan menggantikan perkataan “pentaksir atau ejen harta tanah” dengan perkataan “pentaksir, ejen harta tanah atau pengurus harta”; dan

(b) dalam subseksyen (2)—

- (i) dengan menggantikan perkataan “Daftar Penilai Percubaan/Ejen Harta Tanah Percubaan” dengan perkataan “Daftar Percubaan”; dan
- (ii) dengan menggantikan perkataan “penilai percubaan atau ejen harta tanah percubaan” dengan perkataan “penilai percubaan, ejen harta tanah percubaan atau pengurus harta percubaan”.

Pindaan seksyen 26

27. Seksyen 26 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “Daftar Penilai Percubaan/Ejen Harta Tanah Percubaan” dengan perkataan “Daftar Percubaan”;
- (b) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “Daftar Penilai Percubaan/Ejen Harta Tanah Percubaan” dengan perkataan “Daftar Percubaan”;
- (c) dalam subseksyen (3), dengan menggantikan perkataan “Daftar Penilai Percubaan/Ejen Harta Tanah Percubaan” dengan perkataan “Daftar Percubaan”; dan
- (d) dalam subseksyen (4), dengan menggantikan perkataan “Daftar Penilai Percubaan/Ejen Harta Tanah Percubaan” dengan perkataan “Daftar Percubaan”.

Pindaan seksyen 30

28. Seksyen 30 Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (1)—

(i) dalam perenggan (b), dengan menggantikan perkataan “Daftar Penilai Percubaan/Ejen Harta Tanah Percubaan” dengan perkataan “Daftar Percubaan”;

(ii) dalam perenggan (e), dengan menggantikan perkataan “penilai berdaftar, pentaksir berdaftar atau ejen harta tanah berdaftar” dengan perkataan “penilai berdaftar, pentaksir berdaftar, ejen harta tanah berdaftar atau pengurus harta berdaftar”;

(iii) dengan memotong perenggan (g);

(iv) dalam perenggan (h)—

(A) dengan menggantikan perkataan “penilai berdaftar, pentaksir berdaftar atau ejen harta tanah berdaftar” dengan perkataan “penilai berdaftar, pentaksir berdaftar, ejen harta tanah berdaftar atau pengurus harta berdaftar”; dan

(B) dengan menggantikan perkataan “seksyen 19 atau 22B” dengan perkataan “seksyen 19, 22B atau 22I”; dan

(v) dalam perenggan (i), dengan menggantikan perkataan “seksyen 21 atau 22C;” dengan perkataan “seksyen 21, 22C atau 22J;” dan

(b) dalam subseksyen (2)—

(i) dalam perenggan (a)—

(A) dengan menggantikan perkataan “pentaksir atau ejen harta tanah” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “pentaksir, ejen harta tanah atau pengurus harta”;

- (B) dengan menggantikan perkataan “pentaksiran atau perejenan harta tanah” dengan perkataan “pentaksiran, perejenan harta tanah atau pengurusan harta”; dan
 - (C) dengan menggantikan perkataan “pentaksiran atau perejenan harta tanah” dengan perkataan “pentaksiran, perejenan harta tanah atau pengurusan harta”; dan
- (ii) dalam perenggan (*b*), dengan menggantikan perkataan “pentaksir atau ejen harta tanah” dengan perkataan “pentaksir, ejen harta tanah atau pengurus harta”.

Pindaan seksyen 30A

29. Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menomborkan semula seksyen 30A yang sedia ada sebagai seksyen 30B; dan
- (b) dalam seksyen 30B yang dinomborkan semula, dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Jika seseorang Majistret mendapati, atas maklumat bertulis bersumpah dan selepas apa-apa siasatan yang difikirkannya perlu, bahawa terdapat sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana kaedah-kaedah yang dibuat di bawah Akta ini sedang dilakukan atau telah dilakukan di mana-mana premis, Majistret itu boleh mengeluarkan waran yang memberi kuasa kepada mana-mana pegawai polis yang pangkatnya tidak rendah daripada Inspektor, atau mana-mana orang yang dinamakan dalam waran itu—

- (a) untuk memasuki premis itu pada bila-bila masa yang munasabah, pada waktu siang atau malam, dengan atau tanpa bantuan, dan jika perlu dengan kekerasan;

- (b) untuk menggeledah dan menyita di premis itu apa-apa papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis atau peranti lain yang menggambarkan atau membayangkan bahawa orang itu ialah penilai berdaftar, pentaksir berdaftar, ejen harta tanah berdaftar atau pengurus harta berdaftar, dan apa-apa dokumen, artikel atau benda lain yang semunasabahnya dipercayai memberikan keterangan mengenai pelakuan kesalahan itu; dan
- (c) untuk menahan mana-mana orang yang dijumpai di dalam premis itu sehingga premis itu selesai dikeledah, jika perlu.”.

Seksyen 30A baharu

30. Akta ibu dipinda dengan memasukkan sebelum seksyen 30B yang dinomborkan semula seksyen yang berikut:

“Kuasa untuk menyiasat

30A. (1) Seorang pegawai polis yang pangkatnya tidak rendah daripada Inspektor hendaklah mempunyai kuasa untuk menyiasat pelakuan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana kaedah-kaedah yang dibuat di bawah Akta ini.

(2) Peruntukan Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*] hendaklah terpakai bagi pegawai polis yang pangkatnya tidak rendah daripada Inspektor berhubung dengan apa-apa penyiasatan berkenaan dengan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana kaedah-kaedah yang dibuat di bawah Akta ini, kecuali bahawa kuasa menangkap tanpa waran di bawah Kanun Tatacara Jenayah bagi mana-mana kesalahan boleh tangkap tidak boleh dilaksanakan oleh pegawai polis itu.”.

Pindaan seksyen 30B

31. Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menomborkan semula seksyen 30B yang sedia ada sebagai seksyen 30C; dan

- (b) dalam seksyen 30C yang dinomborkan semula, dengan menggantikan perkataan “seksyen 30A” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “seksyen 30B”.

Pindaan seksyen 30c

32. Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menomborkan semula seksyen 30C yang sedia ada sebagai seksyen 30D; dan
- (b) dalam subseksyen 30D(1) yang dinomborkan semula, dengan menggantikan perkataan “seksyen 30A atau 30B” dengan perkataan “seksyen 30B atau 30C”.

Penggantian seksyen 31A

33. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 31A dengan seksyen yang berikut:

“Perlindungan terhadap guaman dan prosiding undang-undang

31A. Tiada tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding lain boleh diambil atau dibawa, dimulakan atau dikekalkan dalam mana-mana mahkamah terhadap Lembaga, mana-mana Jawatankuasa yang dilantik oleh Lembaga, mana-mana anggota Lembaga, mana-mana anggota Jawatankuasa yang dilantik oleh Lembaga atau mana-mana orang atau pegawai Lembaga yang diberi kuasa atau dilantik untuk bertindak untuk atau bagi pihak Lembaga berkenaan dengan apa-apa perbuatan, pengabaian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan olehnya dengan suci hati, atau apa-apa peninggalan olehnya dengan suci hati, atas sifat yang sedemikian.”.

Peruntukan kecualian

34. (1) Semua sebutan mengenai Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah 1981 dalam mana-mana undang-undang bertulis atau dokumen hendaklah, apabila Akta ini mula berkuat kuasa, ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Akta Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta 1981.

(2) Semua sebutan mengenai Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah dalam mana-mana undang-undang bertulis atau dokumen yang wujud sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, hendaklah, apabila Akta ini mula berkuat kuasa, ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Lembaga Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta.

(3) Penukaran nama “Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah” kepada “Lembaga Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta” apabila Akta ini mula berkuat kuasa tidaklah menyentuh apa-apa hak atau obligasi Lembaga atau menjadikan cacat apa-apa prosiding undang-undang olehnya atau terhadapnya, dan apa-apa prosiding undang-undang yang boleh diteruskan atau dimulakan olehnya atau terhadapnya sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini boleh diteruskan atau dimulakan di bawah namanya yang baharu.

(4) Semua sebutan mengenai Pendaftar Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah dalam mana-mana undang-undang bertulis atau dokumen yang wujud sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah, apabila Akta ini mula berkuat kuasa, ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Pendaftar Lembaga Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta.

(5) Semua tindakan, perintah, arahan, pemberitahuan, kelulusan, keputusan, garis panduan dan tindakan eksekutif lain yang dibuat, diberikan atau dilakukan di bawah, atau mengikut, atau menurut kuasa Akta ibu sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah disifatkan telah dibuat, diberikan atau dilakukan di bawah, atau mengikut, atau menurut kuasa, peruntukan yang bersamaan yang dimasukkan atau dipinda oleh Akta ini, dan hendaklah terus berkuat kuasa dan mempunyai kesan berhubung dengan orang yang baginya ia terpakai sehingga dipinda, dimansuhkan atau ditamatkan di bawah, atau mengikut, atau menurut kuasa, peruntukan yang bersamaan yang dimasukkan atau dipinda oleh Akta ini.

(6) Semua wang yang terkandung di dalam atau kena dibayar ke dalam Kumpulan Wang Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah yang ditubuhkan di bawah seksyen 12 Akta ibu hendaklah, apabila Akta ini mula berkuat kuasa, dipindahkan kepada dan disifatkan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Lembaga Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta.

(7) Semua surat ikatan, dokumen dan surat cara lain yang disempurnakan oleh Lembaga di bawah meterai perbadanan “Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah” sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah terus berkuat kuasa dan mempunyai kesan apabila Akta ini mula berkuat kuasa.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah 1981 (“Akta 242”). Pindaan yang dicadangkan bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran pengurus harta dan pengurus harta percubaan dan bagi perkara yang berhubungan dengannya. Pindaan ini juga bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi mengasingkan amalan pengurusan harta daripada amalan penilaian dan perejenan harta tanah.

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda tajuk panjang Akta 242 untuk merangkumi pengurus harta.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda seksyen 1 Akta 242 dengan menamakan semula tajuk ringkas sebagai Akta Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta 1981 untuk mencerminkan peluasan skop Akta yang dicadangkan untuk merangkumi pengurus harta.

5. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 242 untuk memasukkan takrif baharu “pengurus harta percubaan” dan “pengurus harta berdaftar”. Ia juga bertujuan untuk meminda takrif tertentu yang sedia ada.

6. *Fasal 6* bertujuan untuk meminda seksyen 9 Akta 242. *Subfasal 6(b)* bertujuan untuk meminda subseksyen 9(1) Akta 242 dengan menamakan semula Lembaga sebagai Lembaga Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta. *Perenggan 6(c)(i)* bertujuan untuk meminda perenggan 9(2)(cc) Akta 242 untuk memperuntukkan bahawa tiga orang ejen harta tanah berdaftar yang dilantik oleh Menteri sebagai anggota Lembaga hendaklah dinamakan oleh Yang Dipertua Lembaga. *Perenggan 6(c)(iii)* bertujuan untuk memasukkan tiga orang pengurus harta berdaftar yang dinamakan oleh Yang Dipertua Lembaga sebagai anggota Lembaga. *Subfasal 6(d)* bertujuan untuk meminda subseksyen 9(3) Akta 242 untuk menghendaki tiga orang pengurus harta berdaftar yang dilantik sebagai anggota Lembaga sebagaimana yang dicadangkan di bawah *perenggan 6(c)(iii)* adalah warganegara dan menjalankan amalan profesion mereka di Malaysia. *Subfasal 6(e)* bertujuan untuk meminda subseksyen 9(6) Akta 242 untuk memperuntukkan bahawa tiga orang pengurus harta berdaftar yang dilantik sebagai anggota Lembaga sebagaimana yang dicadangkan

di bawah *perenggan 6(c)(iii)* hendaklah memegang jawatan selama tiga tahun atau selama tempoh yang lebih singkat sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri dan layak dilantik semula. *Subfasal 6(f)* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 9(9) ke dalam Akta 242 untuk memberi Menteri kuasa untuk meminda Jadual Pertama kepada Akta 242.

7. *Fasal 7* bertujuan untuk meminda seksyen 10 Akta 242. *Subfasal 7(b)* bertujuan untuk meminda *perenggan 10(e)* Akta 242 untuk memperuntukkan fungsi Lembaga untuk menetapkan skala fi yang hendak dikenakan oleh pengurus harta berdaftar bagi nasihat atau perkhidmatan profesional yang diberikan. *Subfasal 7(c)* bertujuan untuk meminda *perenggan 10(f)* Akta 242 untuk memperuntukkan fungsi Lembaga untuk mendengar dan memutuskan pertikaian yang berhubungan dengan kelakuan atau etika profesional pengurus harta atau melantik suatu jawatankuasa atau penimbang tara untuk mendengar dan memutuskan pertikaian itu. *Subfasal 7(d)* bertujuan untuk meminda *perenggan 10(g)* Akta 242 untuk memperuntukkan fungsi Lembaga untuk menentukan dan mengawal selia kelakuan dan etika profesional pengurus harta. *Subfasal 7(e)* bertujuan untuk meminda *perenggan 10(h)* Akta 242 untuk memperuntukkan fungsi Lembaga untuk mengawardkan biasiswa kepada orang yang menjalani kursus profesional dalam bidang pengurusan harta. *Subfasal 7(f)* bertujuan untuk meminda *perenggan 10(hc)* Akta 242 untuk memperuntukkan fungsi Lembaga untuk menetapkan kaedah-kaedah mengenai pengambilan insurans tanggung rugi profesional bagi pengurus harta terhadap apa-apa kelas liabiliti profesional. *Subfasal 7(h)* bertujuan untuk memasukkan *perenggan baharu 10(he)* ke dalam Akta 242 untuk memperuntukkan fungsi tambahan Lembaga untuk memegang secara amanah wang dalam pertikaian antara seorang penilai berdaftar, pentaksir berdaftar, ejen harta tanah berdaftar atau pengurus harta berdaftar, dengan seorang klien atau pihak ketiga dalam suatu kontrak bagi perkhidmatan penilaian, pentaksiran, perejenan harta tanah atau pengurusan harta, apabila perlu.

8. *Fasal 8* bertujuan untuk meminda subseksyen 12(1) Akta 242 dengan menamakan semula Kumpulan Wang sebagai Kumpulan Wang Lembaga Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta.

9. *Fasal 9* bertujuan untuk meminda seksyen 14 Akta 242. *Perenggan 9(a)(i)* bertujuan untuk meminda *perenggan 14(1)(a)* Akta 242 dengan menamakan semula Daftar sebagai Daftar Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta dan dengan memasukkan Bahagian baharu IV dalam Daftar. *Perenggan 9(a)(ii)* bertujuan untuk meminda *perenggan 14(1)(b)* Akta 242 dengan menamakan semula Daftar Penilai Percubaan/Ejen Harta Tanah Percubaan sebagai Daftar Penilai Percubaan, Ejen Harta Tanah Percubaan dan Pengurus Harta Percubaan. *Perenggan 9(a)(iii)* bertujuan untuk meminda *perenggan 14(1)(c)* Akta 242 dengan memasukkan Bahagian baharu IV dalam Daftar Firma. *Subfasal 9(b)* bertujuan untuk meminda subseksyen 14(4) Akta 242 untuk membolehkan Lembaga membuat catatan dalam Daftar atau Daftar Percubaan jika terdapat suatu perintah atau keputusan yang membatalkan, menggantung atau memasukkan semula, atau apa-apa perintah atau keputusan lain yang menyentuh, pendaftaran mana-mana pengurus harta atau pengurus harta percubaan, masing-masing.

10. *Fasal 10* bertujuan untuk meminda seksyen 15 Akta 242 dengan menamakan semula Pendaftar sebagai Pendaftar Lembaga Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta.

11. *Fasal 11* bertujuan untuk meminda seksyen 15A Akta 242 untuk menghendaki seorang pengurus harta berdaftar untuk memohon kepada Lembaga bagi mendapatkan kuasa untuk menjalankan amalan sebagai pengurus harta berdaftar di bawah seksyen 221 yang dicadangkan.

12. *Fasal 12* bertujuan untuk meminda seksyen 16 Akta 242. *Subfasal 12(a)* bertujuan untuk meminda subseksyen 16(1A) Akta 242 untuk memperuntukkan bahawa kuasa untuk menjalankan amalan sebagai seorang pengurus harta berdaftar perseorangan hendaklah tertakluk kepada syarat bahawa amalan itu adalah mengikut seksyen 23 Akta 242. *Subfasal 12(b)* bertujuan untuk meminda subseksyen 16(5) Akta 242 dengan membenarkan Lembaga untuk mengeluarkan suatu salinan pendua kuasa untuk menjalankan amalan apabila permohonan dibuat oleh pengurus harta berdaftar dan apabila kehendak tertentu yang lain dipenuhi. *Subfasal 12(c)* bertujuan untuk meminda subseksyen 16(7) Akta 242 untuk menghendaki pengurus harta berdaftar yang mengubah pekerjaannya untuk memberitahu Lembaga secara bertulis butir-butir yang berhubung dengan majikannya yang dahulu dan majikannya yang baharu. Pindaan yang dicadangkan ini juga menghendaki pengurus harta berdaftar untuk memberitahu Lembaga secara bertulis jika apa-apa perubahan dibuat pada nama, alamat, dsb., dalam amalannya, atau perubahan dalam pengurus harta berdaftar yang menjalankan amalan di bawah penggajiannya atau di bawah penggajian firmannya. *Subfasal 12(d)* bertujuan untuk meminda subseksyen 16(7B) Akta 242 untuk memperluas pemakaian perenggan 16(7)(a) Akta 242 kepada pengurus harta percubaan yang jika terdapat apa-apa perubahan hendaklah dimasukkan dalam Daftar Percubaan.

13. *Fasal 13* bertujuan untuk meminda seksyen 17 Akta 242. *Subfasal 13(a)* bertujuan untuk meminda perenggan 17(1)(e) Akta 242 untuk menghendaki seseorang untuk juga membuktikan sehingga Lembaga berpuas hati bahawa dia tidak digantung daripada menjalankan amalan pengurusan harta dan namanya tidak dibatalkan daripada Daftar sebagai sebahagian daripada kehendak sebelum dia berhak mendapatkan namanya dimasukkan di bawah Bahagian I atau II Daftar. *Subfasal 13(b)* bertujuan untuk meminda subseksyen 17(1A) Akta 242 dengan membenarkan seseorang yang hilang kelayakan untuk menjalankan amalan pengurusan harta supaya namanya dimasukkan di bawah Bahagian I Daftar sebagai penilai jika Lembaga berpendapat dia sesuai menjalankan amalan penilaian.

14. *Fasal 15* bertujuan untuk memotong subseksyen 18(6) Akta 242 untuk meliberalkan amalan penilaian dengan meniadakan kehendak supaya seseorang itu adalah warganegara atau penduduk tetap Malaysia untuk layak didaftarkan sebagai penilai atau penilai percubaan.

15. *Fasal 16* bertujuan untuk meminda seksyen 19 Akta 242. *Subfasal 16(a)* bertujuan untuk meminda perenggan 19(a) Akta 242 untuk memperjelas bahawa penilai berdaftar atau pentaksir berdaftar yang telah dikeluarkan dengan kuasa untuk menjalankan amalan adalah juga diberi kuasa untuk mengusahakan penilaian mengenai pokok dan tanaman. *Subfasal 16(c)* bertujuan untuk memotong perenggan 19(c) Akta 242 dengan tidak lagi memberi kuasa kepada penilai berdaftar atau pentaksir berdaftar, yang telah dikeluarkan dengan kuasa untuk menjalankan amalan, untuk menjalankan pengurusan harta dan menyediakan atau memeriksa inventori. Pengurusan harta dan penyediaan atau pemeriksaan inventori diperuntukkan di bawah seksyen 221 yang dicadangkan sebagai sebahagian daripada amalan pengurusan harta.

16. *Fasal 17* bertujuan untuk meminda seksyen 21 Akta 242. *Subfasal 17(a)* bertujuan untuk meminda perenggan 21(1)(a) dan (aa) Akta 242 dengan tidak membenarkan penilai berdaftar atau pentaksir berdaftar untuk menjalankan amalan atau menjalankan perniagaan atau bekerja di bawah nama, stail atau gelaran yang mengandungi perkataan “Pengurus Harta”, atau bertindak sebagai pengurus harta. *Subfasal 17(b)* bertujuan untuk memotong subseksyen 21(2) dan (3) Akta 242 yang merupakan pindaan berbangkit. Peruntukan yang dipotong dalam *subfasal 17(a)* dan (b) dimasukkan semula dalam seksyen 22J yang dicadangkan yang berhubungan dengan sekatan ke atas amalan pengurusan harta.

17. *Fasal 18* bertujuan untuk meminda seksyen 22A Akta 242. *Subfasal 18(a)* bertujuan untuk meminda perenggan 22A(1)(f) Akta 242 untuk menghendaki seseorang untuk juga membuktikan sehingga Lembaga berpuas hati bahawa dia tidak digantung daripada menjalankan amalan pengurusan harta dan namanya tidak dipotong daripada Daftar sebagai sebahagian daripada kehendak sebelum dia berhak mendapatkan namanya dimasukkan di bawah Bahagian III Daftar. *Subfasal 18(b)* bertujuan untuk meminda subseksyen 22A(1A) Akta 242 dengan membenarkan seseorang yang hilang kelayakan untuk menjalankan amalan pengurusan harta supaya namanya dimasukkan di bawah Bahagian III Daftar sebagai ejen harta tanah jika Lembaga berpendapat dia sesuai menjalankan amalan perejean harta tanah.

18. *Fasal 19* bertujuan untuk meminda seksyen 22B Akta 242. *Subfasal 19(a)* bertujuan untuk menomborkan semula subseksyen 22B(1A) yang sedia ada sebagai subseksyen 22B(1B). *Subfasal 19(b)* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 22B(1A) ke dalam Akta 242 dengan memperuntukkan bahawa seseorang itu menjalankan amalan perejean harta tanah jika dia bertindak sebagai ejen, atau mengemukakan dirinya kepada orang ramai atau kepada mana-mana individu atau firma sebagai bersedia bertindak sebagai ejen, untuk komisen, fi, upah atau balasan lain berkenaan dengan perkara tertentu yang disenaraikan dalam perenggan (a) hingga (e).

19. *Fasal 20* bertujuan untuk meminda seksyen 22c Akta 242. *Subfasal 20(a)* bertujuan untuk meminda perenggan 22c(1)(a) Akta 242 untuk membenarkan ejen harta tanah berdaftar untuk menjalankan amalan atau menjalankan perniagaan atau bekerja di bawah nama, stail atau gelaran yang mengandungi perkataan “Perunding Perejean Harta Tanah”. *Subfasal 20(b)* bertujuan untuk meminda subseksyen 22c(2) Akta 242 untuk membenarkan seseorang perunding untuk membantu ejen harta tanah berdaftar dalam amalan perejean harta tanah. *Subfasal 20(c)* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 22c(2A) ke dalam Akta 242 dengan mengadakan takrif “perunding”.

20. *Fasal 21* bertujuan untuk memotong subseksyen 22D(5) Akta 242 untuk meliberalakan amalan perejean harta tanah dengan meniadakan kehendak supaya seseorang itu adalah warganegara atau penduduk tetap Malaysia untuk layak didaftarkan sebagai ejen harta tanah atau ejen harta tanah percubaan.

21. *Fasal 23* bertujuan untuk memasukkan Bahagian baharu VB ke dalam Akta 242. Seksyen 22F yang dicadangkan memperkatakan pendaftaran pengurus harta dan kehendak yang hendaklah dipatuhi oleh seseorang yang membuat permohonan untuk mendapatkan namanya dimasukkan sebagai pengurus harta di bawah Bahagian IV Daftar. Seksyen 22G yang dicadangkan memperkatakan

pendaftaran pengurus harta percubaan dan kehendak yang hendaklah dipatuhi oleh seseorang yang membuat permohonan untuk mendapatkan namanya dimasukkan sebagai pengurus harta percubaan dalam Daftar Percubaan. Seksyen 22H yang dicadangkan bertujuan untuk memperuntukkan kelayakan bagi pendaftaran pengurus harta dan pengurus harta percubaan. Seksyen 22I yang dicadangkan bertujuan untuk membenarkan pengurus harta berdaftar yang telah dikeluarkan dengan kuasa untuk menjalankan amalan oleh Lembaga untuk mengusahakan amalan pengurusan harta sebagaimana yang dinyatakan di bawah subseksyen 22I(2). Subseksyen 22J yang dicadangkan bertujuan untuk melarang pengurus harta daripada melakukan apa-apa perbuatan yang dinyatakan di bawah perenggan 22J(1)(a) hingga (f) melainkan jika dia ialah seorang pengurus harta berdaftar dan telah dikeluarkan dengan kuasa untuk menjalankan amalan.

22. *Fasal 24* bertujuan untuk meminda seksyen 23 Akta 242.

Subfasal 24(a) bertujuan untuk meminda subseksyen 23(1) Akta 242 dengan melarang pengurus harta berdaftar daripada menjalankan amalan pengurusan harta atau mempunyai hak untuk mendapatkan kembali dalam mana-mana mahkamah apa-apa fi, komisen, caj atau saraan bagi apa-apa nasihat atau perkhidmatan profesional yang diberikan olehnya menurut amalannya melainkan jika dia menjalankan amalan sebagai tuan punya tunggal sesuatu ketuanpunyaan tunggal, pekongsi sesuatu perkongsian, pemegang syer atau pengarah sesuatu pertubuhan perbadanan yang didaftarkan dengan Lembaga, atau sebagai pekerja kepada ketuanpunyaan tunggal, perkongsian atau pertubuhan perbadanan itu.

Subfasal 24(b) bertujuan untuk menomborkan semula subseksyen 23(1A) Akta 242 yang sedia ada sebagai subseksyen 23(1B). *Subfasal 24(c)* bertujuan untuk meminda subseksyen 23(1B) yang dinomborkan semula dengan melarang pendaftaran ketuanpunyaan tunggal yang menjalankan amalan pengurusan harta oleh Lembaga melainkan jika tuan punya tunggal bagi ketuanpunyaan tunggal itu merupakan pengurus harta berdaftar.

Subfasal 24(d) bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 23(1A) ke dalam Akta 242 dengan memperuntukkan bahawa sesuatu ketuanpunyaan tunggal, perkongsian atau pertubuhan perbadanan boleh memohon kepada Lembaga bagi pendaftaran untuk menjalankan amalan penilaian, pentaksiran, perejean harta tanah atau pengurusan harta dalam borang dan mengikut cara, dan disertakan dengan fi, sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga.

Perenggan 24(e)(i) dan *(ii)* bertujuan untuk meminda perenggan 23(2)(a) Akta 242 dengan memperuntukkan bahawa sesuatu perkongsian atau pertubuhan perbadanan yang menjalankan amalan pengurusan harta tidak boleh didaftarkan oleh Lembaga melainkan jika kehendak tertentu telah dipenuhi berhubung dengan pekongsi atau pengarah dan pemegang syernya. *Subperenggan 24(e)(ii)(D)* bertujuan untuk memasukkan subperenggan baharu 23(2)(a)(iv) ke dalam Akta 242 untuk memperuntukkan bahawa, dalam hal suatu amalan pengurusan harta, sesuatu perkongsian atau pertubuhan perbadanan yang menjalankan amalan pengurusan harta tidak boleh didaftarkan oleh Lembaga melainkan jika semua pekongsi, atau pengarah dan pemegang syer, mengikut mana-mana yang berkenaan, adalah semata-mata pengurus harta berdaftar, suatu gabungan pengurus harta berdaftar, penilai berdaftar, pentaksir berdaftar dan ejen harta tanah berdaftar, atau suatu gabungan pengurus harta berdaftar dan mana-mana orang atau pertubuhan perbadanan yang lain.

Perenggan 24(e)(iii) bertujuan untuk meminda perenggan 23(2)(b) Akta 242 dengan menomborkan semula subperenggan (iv) yang sedia ada sebagai subperenggan (v). Subperenggan (v) yang dinomborkan semula dipinda dengan memperuntukkan bahawa perkongsian atau pertubuhan perbadanan yang menjalankan amalan pengurusan harta tidak boleh didaftarkan oleh Lembaga melainkan jika kehendak tertentu telah dipenuhi berhubung dengan syer dalam perkongsian atau pertubuhan perbadanan itu. *Subsubperenggan 24(e)(iii)(C)(cc)* bertujuan untuk memasukkan subsubperenggan baharu 23(2)(b)(v)(D) ke dalam Akta 242 untuk memperuntukkan bahawa, dalam hal suatu amalan pengurusan harta, perkongsian atau pertubuhan perbadanan sebagaimana yang dinyatakan dalam subperenggan (v) tidak boleh didaftarkan oleh Lembaga melainkan jika syer dalam perkongsian atau pertubuhan perbadanan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, dipegang oleh majoriti pengurus harta yang memegang kepentingan dan hak mengundi majoriti. *Subperenggan 24(e)(iii)(D)* bertujuan untuk memasukkan subperenggan baharu 23(2)(b)(iv) ke dalam Akta 242 dengan memperuntukkan bahawa, dalam hal suatu amalan pengurusan harta, suatu perkongsian atau pertubuhan perbadanan tidak boleh didaftarkan oleh Lembaga melainkan jika syer dalam perkongsian atau pertubuhan perbadanan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, dipegang semata-mata oleh pengurus harta berdaftar.

Subfasal 24(f) bertujuan untuk menomborkan semula subseksyen 23(4A) Akta 242 yang sedia ada sebagai subseksyen (4B). *Subfasal 24(g)* bertujuan untuk meminda subseksyen 23(4B) yang dinomborkan semula dengan memperuntukkan bahawa Lembaga hendaklah membatalkan pendaftaran sesuatu firma sekiranya Lembaga mendapati bahawa komposisi pekongsi dalam perkongsian itu atau pengarah pertubuhan perbadanan yang menjalankan amalan pengurusan harta itu tidak mematuhi kehendak dalam subseksyen 23(2). Lembaga juga boleh membatalkan pendaftaran sesuatu firma jika pemegangan syer bagi perkongsian atau pertubuhan perbadanan yang menjalankan amalan pengurusan harta itu tidak mematuhi kehendak dalam subseksyen 23(2) atau jika mana-mana pekongsi bagi perkongsian atau pengarah bagi pertubuhan perbadanan yang menjalankan amalan pengurusan harta melakukan, atau menyumbang kepada, mana-mana perbuatan yang dinyatakan dalam perenggan 23(4B)(a), (b) atau (c).

Subfasal 24(h) bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 23(4A) ke dalam Akta 242 untuk melarang pengurus harta berdaftar untuk terus menjadi tuan punya tunggal, pekongsi, pemegang syer atau pengarah bagi lebih daripada satu ketuanpunyaaan tunggal, perkongsian atau pertubuhan perbadanan yang menjalankan amalan pengurusan harta melainkan jika diluluskan secara bertulis oleh Lembaga.

Subfasal 24(i) bertujuan untuk meminda subseksyen 23(6) Akta 242 dengan menghendaki seorang pengurus harta berdaftar untuk memberitahu Lembaga secara bertulis dalam masa satu bulan dari dia menjadi seorang tuan punya tunggal, pekongsi, pemegang syer atau pengarah sesuatu firma atau dari apa-apa perubahan dalam perkongsian, pemegangan syer atau pengarah sesuatu firma.

Subfasal 24(j) bertujuan untuk meminda subseksyen 23(7) Akta 242 untuk menghendaki seorang pengurus harta berdaftar yang menjalankan amalan sebagai tuan punya tunggal memuaskankan hati Lembaga dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh namanya dipotong daripada Daftar atau digantung daripada

menjalankan amalan, bahawa dia telah membuat perkiraan yang sesuai untuk menyediakan bagi kliennya pengurus harta berdaftar yang lain semasa tempoh pemotongan namanya atau penggantungannya.

Subfasal 24(k) bertujuan untuk meminda subseksyen 23(8) Akta 242 untuk menghendaki seorang pengurus harta berdaftar, apabila menyediakan bagi kliennya pengurus harta berdaftar yang lain di bawah subseksyen 23(7), untuk mengarahkan pengurus harta berdaftar yang lain itu untuk mengambil alih pengurusan firmanya dan menerima dan mengakaunkan semua jumlah wang yang kena dibayar kepada firma itu dan dipegang olehnya atau firmanya bagi pihak kliennya. Seterusnya, dia juga dikehendaki untuk menyerahkan semua dokumen, buku akaun, rekod dan baucar dan apa-apa dokumen lain dalam milikan atau kawalannya kepada pengurus harta berdaftar yang lain itu.

Subfasal 24(l) bertujuan untuk meminda subseksyen 23(9) Akta 242 untuk menghendaki seorang pengurus harta berdaftar yang menjalankan amalan di bawah suatu perkiraan perkongsian untuk memuaskan hati Lembaga, dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh namanya dipotong daripada Daftar atau digantung daripada menjalankan amalan, bahawa dia telah membuat perkiraan yang sesuai untuk menyerahkan semua kliennya dan semua dokumen berkaitan yang ada dalam milikannya kepada pekongsinya.

Subfasal 24(m) bertujuan untuk meminda subseksyen 23(10) Akta 242 untuk menghendaki pekongsi atau pengarah sesuatu firma pengurusan harta berdaftar yang telah dipotong daripada Daftar Firma atau yang semua pekongsi atau pengarahnya digantung daripada menjalankan amalan, untuk memuaskan hati Lembaga dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh pemotongan nama atau penggantungan itu bahawa mereka telah membuat perkiraan yang sesuai untuk menyediakan bagi kliennya firma pengurusan harta berdaftar yang lain semasa tempoh pemotongan nama atau penggantungannya itu.

Subfasal 24(n) bertujuan untuk meminda subseksyen 23(11) Akta 242 untuk menghendaki pekongsi atau pengarah sesuatu firma berdaftar, apabila menyediakan bagi kliennya pengurus harta berdaftar yang lain di bawah subseksyen 23(10), untuk mengarahkan pengurus harta berdaftar yang lain itu untuk mengambil alih pengurusan firmanya dan menerima dan mengakaunkan semua jumlah wang yang kena dibayar kepada firma itu dan dipegang olehnya atau firmanya bagi pihak kliennya. Seterusnya, mereka juga dikehendaki untuk menyerahkan semua dokumen, buku akaun, rekod dan baucar dan apa-apa dokumen lain dalam milikan atau kawalan mereka kepada pengurus harta berdaftar yang lain itu.

Subfasal 24(o) bertujuan untuk meminda subseksyen 23(12) Akta 242 untuk membolehkan Lembaga, jika pengurus harta itu tidak mematuhi subseksyen 23(7) atau (10), melantik pengurus harta berdaftar yang lain untuk menguruskan firmanya jika difikirkan oleh Lembaga bahawa firma itu masih perlu dikekalkan demi kepentingan awam atau kepentingan klien atau profesionnya.

Subfasal 24(p) bertujuan untuk meminda subseksyen 23(13) Akta 242 untuk mengenakan obligasi tertentu ke atas pengurus harta berdaftar yang dilantik di bawah subseksyen 23(12) berhubung dengan perjalanan perniagaan, dsb.

Subfasal 24(q) bertujuan untuk meminda subseksyen 23(14) Akta 242 untuk memperuntukkan bahawa jika seseorang pengurus harta berdaftar yang menjalankan amalan sebagai tuan punya tunggal meninggal dunia, semua hak untuk mengendalikan atau selainnya membuat urusan tentang mana-mana akaun bank atas nama si mati atau firmanya hendaklah terletak hak pada wakil diri si mati dan boleh dijalankan mulai dari kematian pengurus harta berdaftar itu sehingga selesai tertakluk kepada kelulusan dan penyeliaan Lembaga.

23. *Fasal 25* bertujuan untuk meminda seksyen 24 Akta 242. *Subfasal 25(a)* bertujuan untuk meminda subseksyen 24(1) Akta 242 dengan memberi Lembaga kuasa untuk membuat suatu perintah pembatalan, penggantungan atau teguran jika pengurus harta berdaftar atau pengurus harta percubaan memenuhi syarat tertentu sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 24(1)(a) hingga (i). *Subfasal 25(b)* bertujuan untuk meminda perenggan 24(1)(c) Akta 242 untuk membolehkan Lembaga untuk membuat apa-apa perintah jika kelayakan penilai, pentaksir, ejen harta tanah atau pengurus harta atau penilai percubaan, ejen harta tanah percubaan atau pengurus harta percubaan di bawah seksyen 18, 22D atau 22H ditarik balik atau dibatalkan. *Subfasal 25(c)* dan (d) bertujuan untuk meminda perenggan 24(1)(h) dan (i) Akta 242 untuk membolehkan Lembaga untuk membuat apa-apa perintah jika pengurus harta atau pengurus harta percubaan telah membenarkan mana-mana orang yang tidak diberi kuasa untuk menjalankan perniagaan pengurusan harta atas namanya, atau telah menjalankan sendiri apa-apa profesion, tred, perniagaan atau pekerjaan yang tidak bersesuaian dengan amalan pengurusan harta. *Subfasal 25(e)* bertujuan untuk memasukkan perenggan baharu 24(1)(j) ke dalam Akta 242 untuk memperuntukkan alasan tambahan untuk membuat apa-apa perintah iaitu, jika penilai, pentaksir, ejen harta tanah atau pengurus harta atau penilai percubaan, ejen harta tanah percubaan atau pengurus harta percubaan telah menjual memajak, menyewa kecil, memindahkan atau selainnya membenarkan mana-mana orang lain untuk menggunakan kuasanya untuk menjalankan amalan yang dikeluarkan kepadanya. *Subfasal 25(h)* bertujuan untuk memberi Lembaga kuasa untuk membuat perintah amaran atau menolak pertuduhan.

24. *Fasal 26* bertujuan untuk meminda seksyen 25 Akta 242. *Subfasal 26(a)* bertujuan untuk meminda subseksyen 25(1) Akta 242 untuk memperuntukkan pemotongan nama pengurus harta berdaftar atau pengurus harta percubaan daripada Daftar atau Daftar Percubaan jika mana-mana hal keadaan di bawah perenggan 25(1)(a) hingga (e) berlaku. Nama seseorang pengurus harta berdaftar atau pengurus harta percubaan hendaklah juga dipotong daripada Daftar atau Daftar Percubaan jika dia telah diperakui oleh pegawai perubatan kerajaan sebagai tidak sempurna akal atau menjadi tidak berupaya untuk melaksanakan fungsi sebagai pengurus harta berdaftar dengan berkesan. *Subfasal 26(b)* bertujuan untuk meminda subseksyen 25(2) Akta 242 untuk menghendaki pengurus harta yang namanya telah dipotong daripada Daftar untuk menyerahkan balik kepada Lembaga kuasanya untuk menjalankan amalan atau, dalam hal pengurus harta percubaan, untuk menyerahkan balik surat pendaftarannya kepada Lembaga dalam masa empat belas hari selepas pemberitahuan tentang keputusan Lembaga melalui pos berdaftar.

25. *Fasal 28* bertujuan untuk meminda seksyen 30 Akta 242. *Perenggan 28(a)(ii)* dan *(iv)* bertujuan untuk meminda perenggan 30(1)(*e*) dan *(h)* Akta 242 dengan menjadikannya suatu kesalahan untuk menyamar diri sebagai seorang pengurus harta berdaftar, dan menjalankan atau mengaku janji untuk menjalankan apa-apa kerja yang diperuntukkan di bawah seksyen 22i yang dicadangkan jika orang itu tidak bertindak di bawah arahan dan penyeliaan diri secara langsung seorang pengurus harta berdaftar. *Perenggan 28(a)(iii)* bertujuan untuk memotong perenggan 30(1)(*g*) Akta 242 dengan tidak lagi menjadikannya suatu kesalahan untuk seseorang menjual, memindahkan, menyewakan atau selainnya membenarkan mana-mana orang lain untuk menggunakan apa-apa kuasa untuk menjalankan amalan yang dikeluarkan kepadanya. Mana-mana orang yang menjual, memindahkan, menyewa kecil atau selainnya membenarkan mana-mana orang lain untuk menggunakan apa-apa kuasa untuk menjalankan amalan yang dikeluarkan kepadanya akan tertakluk kepada perintah pembatalan, penggantungan atau teguran oleh Lembaga di bawah perenggan 24(1)(*j*) yang dicadangkan. *Perenggan 28(a)(v)* bertujuan untuk meminda perenggan 30(1)(*i*) dengan menjadikannya suatu kesalahan bagi mana-mana orang untuk bertindak dengan melanggar seksyen 22j yang dicadangkan. *Subfasal 28(b)* bertujuan untuk meminda subseksyen 30(2) Akta 242 untuk menjadikannya suatu kesalahan bagi mana-mana orang yang tanpa apa-apa kuasa yang sah, bertindak sebagai seorang pengurus harta bagi mana-mana pihak atau bertindak atas apa-apa sifat sebagai seorang pengurus harta sama ada matlamat utama perniagaannya ialah pengurusan harta atau sama ada apa-apa bahagian sampingan perniagaannya merupakan pengurusan harta. Ia juga bertujuan untuk menjadikannya suatu kesalahan bagi mana-mana orang yang dengan sengaja atau dengan palsu berpura-pura menjadi, atau memakai atau menggunakan apa-apa nama, gelaran, tambahan atau perihalan yang membayangkan bahawa dia mempunyai kelayakan atau diberi kuasa dengan sewajarnya untuk bertindak sebagai seorang pengurus harta atau bahawa dia mempunyai kelayakan atau kuasa sedemikian menurut undang-undang.

26. *Fasal 29* bertujuan untuk meminda seksyen 30A Akta 242. *Subfasal 29(a)* bertujuan untuk menomborkan semula seksyen 30A yang sedia ada sebagai seksyen 30B. *Subfasal 29(b)* bertujuan untuk menggubal semula subseksyen 30B(1) yang dinomborkan semula dan untuk memperuntukkan bahawa jika Majistret mendapati bahawa terdapat sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa suatu kesalahan di bawah Akta 242 atau mana-mana kaedah-kaedah yang dibuat di bawah Akta 242 sedang dilakukan atau telah dilakukan di mana-mana premis, Majistret itu boleh mengeluarkan suatu waran yang memberi kuasa kepada mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor, atau mana-mana orang yang dinamakan dalam waran itu untuk menahan mana-mana orang yang dijumpai di dalam premis itu sehingga premis itu selesai digeledah, jika perlu.

27. *Fasal 30* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 30A ke dalam Akta 242 yang memperkatakan kuasa untuk menyiasat pelakuan apa-apa kesalahan di bawah Akta 242 atau kaedah-kaedah yang dibuat di bawah Akta 242.

28. *Fasal 31* bertujuan untuk menomborkan semula seksyen 30B Akta 242 yang sedia ada sebagai seksyen 30C.

29. *Fasal 32* bertujuan untuk menomborkan semula seksyen 30C Akta 242 yang sedia ada sebagai seksyen 30D.

30. *Fasal 33* bertujuan untuk meminda seksyen 31A Akta 242 dengan menghalang mana-mana tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding lain dibawa, dimulakan atau dikekalkan dalam mana-mana mahkamah terhadap Lembaga, mana-mana Jawatankuasa yang dilantik oleh Lembaga, mana-mana anggota Lembaga, mana-mana anggota Jawatankuasa yang dilantik oleh Lembaga atau mana-mana orang atau pegawai Lembaga yang diberi kuasa atau dilantik untuk bertindak untuk atau bagi pihak Lembaga berkenaan dengan apa-apa perbuatan, pengabaian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan olehnya dengan suci hati, atau apa-apa peninggalan olehnya dengan suci hati, atas sifat yang sedemikian.

31. *Fasal 34* memperkatakan peruntukan kecualian.

32. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam Huraian ini merupakan pindaan yang kecil atau berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U2)2896]